

05 FEB 2002

Mahathir-Pengganas/I

MALAYSIA AKAN SERAH SUSPEK PENGGANAS KEPADA AS JIKA BUKTI MENCUKUPI

Oleh: Salmy Hashim

NEW YORK, 5 Feb (Bernama) -- Malaysia terpaksa menyerahkan mana-mana suspek pengganas yang ditahan di Malaysia kepada Amerika Syarikat (AS) mengikut perjanjian ekstradisi dengan negara ini, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini pada Isnin.

Jika AS mempunyai bukti yang mencukupi mengenai pembabitian seseorang dalam mana-mana serangan pengganas atau merancang mana-mana serangan terhadap negaranya, maka Malaysia mungkin terpaksa menyerahkan suspek itu kepada AS mengikut undang-undang jika ada kes terhadapnya, katanya pada sidang media untuk wartawan Malaysia di sini.

"Jika bukti tidak mencukupi, kami tidak akan menyerahkan suspek terbabit kepada AS," katanya ketika menjawab satu soalan. Dr Mahathir berada di sini untuk berucap pada Forum Ekonomi Dunia dan Sidang Kemuncak Pelaburan Malaysia.

Satu "dokumen rahsia" FBI (Biro Siasatan Persekutuan) yang diperolehi oleh Newsweek mengaitkan pembabitian seorang ahli perniagaan Malaysia dalam merancang serangan terhadap AS.

Lelaki itu yang dikenali sebagai Yazid Sufaat, bekas seorang kapten tentera, didakwa mengadakan pertemuan dengan dua lelaki (yang memandu pesawat Boeing dan merempuh Pentagon, Washington) di kondominium kediamannya di Kuala Lumpur sebelum mereka pulang ke AS.

Yazid didakwa mengaji Zacarias Moussaoui, seorang lelaki Perancis, sebagai perunding pemasaran syarikatnya, Infocus Tech, dengan elaun bulanan US\$2,500.

Moussaoui yang dikatakan menerima US\$35,000 daripada Yazid dan telah menggunakan wang itu untuk belajar memandu pesawat Boeing, kini ditahan dan menunggu perbicaraan di AS.

Moussaoui boleh dihukum mati, jika sabit kesalahan.

"Kita bimbang, Eropah juga bimbang bahawa AS mungkin akan gunakan undang-undangnya ke atas negara lain, ia salah," kata Dr Mahathir.

Yazid dan 12 yang lain kini ditahan oleh kerajaan Malaysia kerana didakwa merancang menjatuhkan kerajaan secara keganasan.

Anggota Kumpulan Militian Malaysia (KMM) yang ditahan, didapati menyimpan senjata api dan bahan-bahan untuk membuat bom.

Perdana Menteri juga mengambil kesempatan pada Forum Ekonomi Dunia untuk menjelaskan mengenai Islam, pandangan Islam mengenai keganasan dan mengapa kumpulan tertentu mengambil tindakan ganas dalam perjuangan mereka.

Dr Mahathir berkata beliau mungkin akan mengadakan pertemuan dengan Presiden George W. Bush tahun ini atau tahun depan bagi menjelaskan pandangan Malaysia mengenai isu itu. "Jika kami tidak bertemu, mungkin saya akan menulis kepadanya."

Malaysia merancang menganjurkan persidangan mengenai keganasan untuk negara anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di Kuala Lumpur pada April.

Mesyuarat itu diharap menyatukan suara negara-negara Islam untuk menentang keganasan yang kini semakin dikaitkan dengan Islam dan umat Islam oleh media barat.

Sebelum itu, ketika berucap pada Masyarakat Asia di sini, Dr Mahathir menegaskan bahawa Malaysia tidak memerlukan bantuan atau campur tangan dalam menangani keganasan di negara ini.

"Kami sudah menangani bakal pengganas Islam secara berhati-hati. Majoriti rakyat Malaysia, Islam dan bukan Islam, menyokong tindakan

kerajaan...kami berkeupayaan untuk menghadapi sebarang kemungkinan.

Dr Mahathir berkata parti pembangkang, PAS, mengetahuinya dan mereka tidak mungkin menyokong keganasan. Bagaimanapun, jika PAS melanggar undang-undang, kerajaan akan menggunakan undang-undang ke atas mereka.

Berdasarkan pengalaman Malaysia dalam menangani keganasan (komunis), "saya pasti pendekatan kita akan berjaya daripada tindakan kekerasan yang digunakan sekarang."

Dr Mahathir berkata: "Meletupkan bom di tempat-tempat awam dan membunuh orang yang tidak bersalah, tidak boleh diterima. Menjadikan orang awam sebagai tebusan tidak boleh diterima. Meracun makanan, ubat atau bekalan air, tidak boleh diterima."

"Ini adalah tindakan ganas dan sesiapa sahaja yang melakukan tindakan ini mesti dianggap pengganas tanpa mengira sebab mereka melakukannya, tanpa mengira agama, kaum atau fahaman," katanya.

"Dan apabila mereka dicap sebagai pengganas, sudah menjadi tanggungjawab setiap orang, setiap negara untuk memburu mereka dan membawanya ke muka pengadilan," kata Perdana Menteri.

Esok, Dr Mahathir akan melawat dua kilang teknologi di sini dan akan berlepas ke Antartika pada Selasa untuk lawatan kerja selama seminggu sebelum bercuti selama sebulan.

-- BERNAMA

SH AZZ RM LAT